

**Kesahan dan Kebolehpercayaan *Aspects of Identity Questionnaire (AIQ-IV)* di Malaysia:
Analisis Faktor Penerokaan
(*Validity and Reliability of the Aspects of Identity Questionnaire (AIQ-IV) in Malaysia: An
Exploratory Factor Analysis*)**

Nurul Aini Mudayat^{1*}
Kamarul Md Shah¹
Mohd Hatta Othman²
Normadiyahana Abdullah¹
Nurhafizah Mohamad Yasin¹

¹*Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu*

²*Kuliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

*Corresponding e-mail:[nurulaini.mudayat@umt.edu.my]

This study aimed to determine the validity and reliability of the Aspects of Identity Questionnaire (AIQ-IV) instrument in Malay language translation during the stage of pilot study. The sample for this study consisted of 150 professional counselors selected throughout Malaysia with the use of the simple random sampling method. The study is directed via a survey design with the adaptation of a questionnaire. The Aspects of Identity Questionnaire (AIQ-IV) instrument consists of four subscales, namely personal, social, collective and relational in total of 35 items. The data are analyzed through the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). The exploratory factor analysis extracted four factors in identity, namely personal, social, collective and relational, with the retention of 20 items. It proved that the Aspects of Identity Questionnaire (AIQ-IV) instrument has assured its validity and reliability for the counseling and psychology field in Malaysia. These particular findings demonstrated the importance of validating instruments that are translated into different languages.

Keywords: identity, exploratory factor analysis, validity, reliability

Topik sendiri (*self*) dan identiti dalam penyelidikan psikologi hampir tidak wujud pada pertengahan abad ke-20 (Foddy & Kashima, 2002; Leary & Tangney, 2012). Namun, teori psikososial Erik Erikson, yang diperkenalkan pada tahun 1950, memberikan tumpuan yang signifikan kepada identiti peribadi, menekankan perkembangan identiti sebagai tugas utama sepanjang hayat individu. Perspektif ini telah memberi inspirasi kepada penyelidikan berterusan mengenai bagaimana identiti peribadi berkembang dari masa ke masa (Crocetti, Albarello, Meeus, & Rubini, 2022). Socrates, Plato, Aristotle dan Descartes merupakan antara ahli falsafah dan pemikir awal yang pernah menyebut tentang identiti dalam psikologi

(Friedenberg, 2020; Goetz & Taliaferro, 2011). Socrates dan Plato menyatakan sendiri (*self*) mempunyai makna yang sinonim dengan jiwa (*soul*). Aristotle sebagai pengikut Plato, mentakrifkan jiwa (*psyche*) sebagai teras kepada manusia dan menyatakan jiwa terletak di dalam diri seseorang individu. Descartes mengembangkan konsep sendiri (*self*) dengan memasukkan pemikiran dan penaakulan fikiran (Mahfud & Patsun, 2019).

Istilah sendiri (*self*) dan identiti (*identity*) sering digunakan secara silih berganti oleh para sarjana. Walaupun sendiri dan identiti adalah saling berkaitan, namun ianya dapat dibezakan. Kendiri digunakan untuk merujuk kepada pengertian seseorang

tentang 'siapa diri saya dan apa diri saya'. Manakala identiti digunakan untuk merujuk kepada 'wajah sosial' seseorang - bagaimana seseorang itu melihat dirinya sendiri dan bagaimana seseorang itu dilihat oleh orang lain (Owens, 2006; Swann & Bosson, 2010). Pendekatan sosial-kognitif telah memberi tumpuan kepada bagaimana individu membentuk dan mengekalkan identiti mereka melalui interaksi sosial dan pengaruh kognitif. Swann dan Bosson (2010) menyatakan bahawa identiti bukan hanya hasil daripada refleksi sendiri, tetapi juga dipengaruhi oleh bagaimana seseorang itu dilihat dan dikenali dalam masyarakat. Pendekatan sosial-kognitif menekankan proses kognitif, seperti pemikiran dan penilaian diri, serta bagaimana individu mengatur dan memperlihatkan diri mereka dalam pelbagai konteks sosial (Bandura, 1986). Selain itu, pendekatan kemanusiaan yang dikemukakan oleh Rogers (1959) dan Maslow (1943) juga berguna untuk melihat identiti. Pendekatan ini memfokuskan kepada potensi individu untuk berkembang dan menjadi diri yang terbaik, di mana identiti dilihat sebagai perjalanan perkembangan diri yang berterusan. Kesimpulannya, pendekatan sosial-kognitif dan kemanusiaan boleh dilihat sebagai yang paling sesuai untuk memahami pembentukan identiti kerana keduanya menggabungkan aspek refleksi sendiri dan interaksi sosial dalam proses pembentukan identiti.

Perkembangan model sendiri (identiti) menggunakan analisis faktor bermula dengan kajian mengenai sendiri yang dipelopori oleh James pada tahun 1890. James (1890) telah menggariskan kerumitan tentang identiti, sehingga menarik perhatian kepada sendiri dalam penyusunan konsep sendiri individu. James (1890) telah membezakan dua pemahaman sendiri iaitu sendiri sebagai 'Me' dan sendiri sebagai 'I'. Pembezaan ini pada asalnya berdasarkan kepada idea bahawa 'Me' merupakan sendiri sebagai objek dan 'I' merupakan sendiri sebagai subjek. Model Kendiri (Identiti) (Robins, Norem,

& Cheek, 1999) yang dikenali dengan Dimensi Kendiri (*Dimensions Of Self*) digunakan untuk menjelaskan lapisan dan struktur sendiri. Berdasarkan tinjauan literatur yang ada, orientasi identiti ini boleh diringkaskan seperti berikut. Orientasi peribadi menunjukkan diri sendiri atau individu yang mencerminkan kepercayaan individu tentang peribadi mereka, termasuk sifat, nilai dan kemampuan mereka. Orientasi sosial menunjukkan sosial sendiri yang mencerminkan bagaimana individu melihat diri mereka dalam konteks interpersonal yang lebih umum, termasuk peranan dan reputasi sosial mereka. Orientasi kolektif menunjukkan kolektif sendiri yang mencerminkan identiti individu mengenai pelbagai kumpulan rujukan mereka seperti agama, etnik dan kewarganegaraan mereka. Orientasi hubungan menunjukkan hubungan sendiri yang menggambarkan bagaimana orang melihat diri mereka dalam hubungan yang intim/rapat (Cheek, Cheek, Grimes, & Tropp, 2014).

Salah satu instrumen yang dapat mengukur identiti seperti yang dicadangkan dalam Model Kendiri (Identiti) (Robins, Norem, & Cheek, 1999) ialah *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV; Cheek, Smith, & Tropp, 2002). Pembangunan *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ) bermula dengan pemilihan item daripada senarai ciri identiti Sampson (1978) yang dianggap mewakili faktor orientasi identiti peribadi dan sosial (Cheek & Briggs, 1981; 1982). Seterusnya, beberapa item telah disunting semula, ada yang dihapuskan, dan item baharu telah dibangunkan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahihan kandungan ukuran tersebut (Cheek J. M., 1982/83; Cheek & Hogan, 1981; Hogan & Cheek, 1983). Analisis psikometrik menunjukkan bahawa beberapa item yang pada asalnya dikategorikan dalam orientasi identiti sosial cenderung untuk berkumpul dalam faktor ketiga yang mewakili orientasi identiti kolektif (Cheek, Underwood, & Cutler, 1985). dan kemudiannya diperluaskan

(Cheek, Tropp, Chen, & Underwood, 1994). Faktor keempat bagi orientasi identiti hubungan telah ditambah dalam *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV) (Cheek, Smith, & Tropp, 2002). Instrumen *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV) mempunyai struktur faktor yang jelas, kebolehpercayaan yang diterima dan kesahan konvergen dan diskriminan yang signifikan (Cheek, Smith, & Tropp, 2002).

Instrumen *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV) telah disahkan di beberapa negara. Sebagai contoh, di Serbia, kajian oleh Jovanović dan rakan-rakan (2025) menilai kesahan struktur dan kesahan konvergen AIQ-IV dalam kalangan remaja Serbia. Di Perancis, Yin dan Étilé (2019) telah mengesahkan versi Perancis *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV) menilai kesahan psikometrik instrumen tersebut dalam kalangan populasi muda dewasa Perancis. Selain itu, instrumen ini juga telah digunakan dalam kajian di negara lain, termasuk Amerika Syarikat dan Australia, menunjukkan penerimaan dan penggunaannya yang meluas dalam pelbagai konteks budaya (Cheek, Smith, & Tropp, 2002). Instrumen *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV) telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa untuk memastikan kesesuaian dan ketepatannya dalam konteks budaya yang berbeza. Sebagai contoh, versi Perancis *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV) oleh Yin & Etilé (2019) telah dibangunkan melalui proses terjemahan berbalik yang melibatkan pakar bahasa Inggeris dan Perancis untuk memastikan ketepatan kepada versi asal dan kejelasan item yang diterjemahkan. Selain itu, *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV) juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Serbia dan digunakan dalam kajian psikometrik di Serbia. Kajian Jovanović dan rakan-rakan (2025) menilai kesahan struktur dan keseragaman jantina *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV) dalam kalangan remaja Serbia, menunjukkan bahawa instrumen ini sesuai digunakan dalam populasi tersebut.

Walaupun *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV) telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa, maklumat mengenai terjemahan ke dalam bahasa lain terutama bahasa Melayu adalah terhad. Proses terjemahan biasanya melibatkan prosedur seperti terjemahan berbalik untuk memastikan ketepatan dan kesesuaian budaya. Penyesuaian ini penting untuk memastikan bahawa instrumen tersebut mengekalkan kesahan dan kebolehpercayaan apabila digunakan dalam populasi yang berbeza. Tambahan lagi kajian ini ingin memberi penekanan kepada analisis faktor pada peringkat penerokaan sebagai langkah pertama dalam analisis faktor. Oleh itu, adalah perlu untuk menilai semula kesahan konstruk dengan melakukan analisis faktor, terutamanya apabila instrumen pengukuran digunakan pada populasi yang berbeza, atau dalam persekitaran budaya dan bahasa yang berbeza daripada persekitaran di mana ia dibangunkan (biasanya penggunaan versi bukan bahasa Inggeris bagi soal selidik bahasa Inggeris). Bagi memastikan instrumen ini dapat mengukur konsep yang ingin dikaji oleh penyelidik dalam konteks kajian, adalah penting untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Hal ini menjadi lebih kritikal apabila instrumen digunakan dalam populasi yang berbeza atau dalam persekitaran budaya dan bahasa yang berbeza daripada konteks asalnya. Langkah ini memastikan bahawa instrumen tersebut sesuai dan tepat dalam konteks budaya yang berbeza (Nurul Hudani, Habibie, & Joki Perdani, 2023; Patrick, Guyatt, & Acquadro, 2019).

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen identiti dalam konteks Malaysia.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menjawab soalan kajian berdasarkan objektif kajian iaitu, adakah instrumen identiti sah dan dipercayai dalam konteks Malaysia?

Metod

Reka Bentuk

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan bagi peringkat kajian rintis. Pendekatan tinjauan dipilih bagi membolehkan pengkaji mengumpulkan maklumat dan data secara terperinci bagi memenuhi objektif kajian melalui penggunaan soal selidik.

Sampel

Kajian ini melibatkan 150 kaunselor profesional berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 31.3% (n=47) adalah lelaki, manakala 68.7% (n=103) adalah perempuan. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah, di mana senarai kaunselor profesional diperoleh daripada Lembaga Kaunselor Malaysia bagi memastikan pemilihan sampel yang sesuai. Kajian ini hanya melibatkan kaunselor profesional berdaftar kerana mereka mempunyai kelayakan, pengalaman, dan kompetensi yang relevan dengan topik kajian, sekali gus memastikan data yang diperoleh adalah sah dan boleh dipercayai. Jumlah 150 responden dipilih kerana ia memenuhi julat saiz sampel minimum 50-100 yang dicadangkan oleh Sapnas dan Zeller (2002) bagi analisis faktor penerokaan (EFA), sekali gus memastikan kebolehpercayaan dan kesahan dapatan kajian.

Instrumen

Instrumen *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV; Cheek, Smith, & Tropp, 2002) yang telah diterjemah dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu berpandukan kaedah terjemahan berbalik (*back translation*) (Brislin, 1980) digunakan bagi mendapatkan maklumat berkenaan orientasi identiti kaunselor profesional Malaysia. Instrumen *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV) mengandungi 45 item dengan 5 subskala iaitu; (1) peribadi (10 item), (2) sosial (7 item), (3) kolektif (8 item), (4) hubungan (10 item), dan (5) item istimewa (10 item). Walau bagaimanapun, item istimewa dalam instrumen ini tidak dikira dalam sebagai 1 skala yang mewakili skala tertentu. Oleh itu, kajian ini telah memilih 4 subskala daripada instrumen bagi mewakili konstruk identiti iaitu, (1) peribadi, (2) sosial, (3) kolektif, dan (4) hubungan. Instrumen *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV) menggunakan format 5 mata skala untuk merespons soal selidik iaitu, 1 = tidak penting untuk saya mengetahui siapa diri saya yang sebenarnya, 2 = sedikit penting untuk saya mengetahui siapa diri saya yang sebenarnya, 3 = agak penting untuk saya mengetahui siapa diri saya yang sebenarnya, 4 = sangat penting untuk saya mengetahui siapa diri saya yang sebenarnya, dan 5 = tersangat penting untuk saya mengetahui siapa diri saya yang sebenarnya (Cheek, Smith, & Tropp, 2002). Dari segi kebolehpercayaan, instrumen *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV) mempunyai kebolehpercayaan yang baik iaitu; peribadi ($\alpha = 0.73$), sosial ($\alpha = 0.84$), kolektif ($\alpha = 0.72$) dan hubungan ($\alpha = 0.92$) (Cheek, Smith, & Tropp, 2002). Kesahan konvergen dan diskriminan instrumen *Aspects of Identity Questionnaire* (AIQ-IV) juga diperoleh dalam dapatan kajian Cheek Smith dan Tropp (2002).

Prosedur Kajian

Kebenaran menjalankan kajian ini dipohon daripada Lembaga Kaunselor Malaysia sebelum kajian dijalankan. Dalam masa yang sama, maklumat berkenaan kaunselor berdaftar boleh didapatkan daripada Lembaga Kaunselor Malaysia untuk tujuan kajian. Satu pakej tinjauan diedarkan kepada 500 orang calon responden melalui pos. Pakej ini terdiri daripada satu set soal selidik (iaitu soal selidik versi pen dan kertas), sampul surat jawapan berbayar, surat iringan yang mengandungi maklumat mengenai tujuan penyelidikan dan pautan laman sesawang (iaitu soal selidik versi elektronik) menggunakan Internet. Setelah menerima pakej tersebut, calon responden boleh memilih salah satu kaedah untuk menyertai penyelidikan ini sama ada dengan (1) melengkapkan dan mengembalikan soal selidik dengan menggunakan sampul surat jawapan berbayar yang disediakan melalui pos (jika menggunakan soal selidik versi pen dan kertas) atau (2) melengkapkan dan menghantar soal selidik dengan menaip pautan laman tinjauan yang disediakan melalui sesawang (jika menggunakan soal selidik versi elektronik). Bagi meningkatkan kadar maklum balas (Sabitha, 2006), satu set surat peringatan tambahan juga digunakan.

Analisis Data Kajian

Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 22. Bagi analisis awal data, isu berkaitan dengan penyaringan dan pembersihan data, manipulasi data, serta semakan andaian asas tentang kenormalan (*normality*) disemak. Analisis faktor penerokaan (*explanatory factor analysis* – EFA) melalui analisis komponen utama (*principal component analysis* – PCA) menggunakan putaran oblimin langsung dijalankan mengenal pasti bilangan faktor dan bilangan item yang tepat berada di dalam konstruk yang sesuai melalui

susunan item berdasarkan kekuatan kolerasi antara item. Kesahan konstruk ditentukan melalui kesahan konvergen, kesahan diskriminan, dan kesahan nomologikal. Seterusnya, kebolehpercayaan instrumen diperoleh berdasarkan nilai pekali alfa Cronbach (α).

Keputusan

Analisis awal

Dalam kajian ini, set data disaring terlebih dahulu sebelum meneruskan sebarang prosedur analisis. Data yang menyimpang (*outliers*) disingkirkan daripada proses analisis. Kehadiran data yang menyimpang dikenal pasti melalui nilai *z-score* kepencongan (*skewness*) dan nilai *z-score* keruncingan (*kurtosis*) melalui program *Statistical Package For the Social Science* (SPSS) di mana data perlu berada dalam lingkungan ± 1.96 (Field, 2013; Hair, Black, Babin, & Anderson, 2010). Hasil semakan ke atas 157 set data mendapati bahawa 7 kes perlu disingkirkan, menjadikan baki sebanyak 150 kes untuk proses analisis seterusnya. Analisis awal menunjukkan bahawa semua item mencapai kenormalan pada peringkat univariat di mana nilai kepencongan (*skewness*) dan keruncingan (*kurtosis*) berada dalam lingkungan ± 1.96 dengan tahap signifikan 0.05 (Field, 2013; Hair, Black, Babin, & Anderson, 2010) iaitu di antara -1.103 – 1.705.

Analisis Faktor Penerokaan

Analisis faktor penerokaan (EFA) melibatkan kesemua 35 item yang mengukur identiti. Analisis komponen utama (PCA) menggunakan putaran oblimin langsung dan bilangan faktor tetap yang ditentukan oleh nilai eigen yang dicadangkan (>1.00) telah mengekstrakkan empat faktor dalam konstruk identiti. Oleh itu, penyelidik juga bersetuju untuk menentukan bilangan faktor sebanyak empat faktor berdasarkan literatur dan nilai eigen yang dicadangkan. Analisis

komponen utama (PCA) menggunakan putaran oblimin langsung dan bilangan faktor tetap yang ditentukan oleh penyelidik sebanyak empat faktor telah mengekstrakkan faktor; (1) peribadi (10 item), (2) sosial (7 item), (3) kolektif (8 item), dan (4) hubungan (10 item). Ujian menunjukkan bahawa kesemua item membentuk dimensi ini secara unidimensi berdasarkan nilai eigen yang dicadangkan (>1.00) iaitu di antara 1.089 – 21.375 (Hair, Black, Babin, & Anderson, 2010). Keempat-empat faktor tersebut menerangkan sebanyak 71.96% varian dalam keseluruhan set faktor identiti (rujuk Jadual 1). Nilai Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) adalah memenuhi kriteria yang disarankan (>0.60) iaitu 0.956 (Kaiser, 1970). Nilai ujian kesferaan Bartlett adalah signifikan secara statistik iaitu, $\chi^2 = 5368.573$, $df = 595$, $p = 0.000$.

Walau bagaimanapun, nilai muatan faktor bagi sesetengah item tidak mencapai nilai

yang ditetapkan (>0.50) iaitu item I3, I6, I7, I8, I10, I18, I23, I24, I27, I28, I29, I33, dan I35. Nilai komunaliti bagi sesetengah item juga tidak mencapai nilai yang ditetapkan (>0.60) iaitu item I3, I11, dan I12. Walaupun begitu, nilai pekali alfa Cronbach (α) telah mencapai nilai yang ditetapkan (> 0.70) iaitu 0.980, dengan nilai pekali alfa Cronbach jika item dibuang lebih besar daripada nilai pekali alfa Cronbach. Begitu juga dengan nilai korelasi item-total diperbetul semua item telah mencapai nilai yang ditetapkan (> 0.50) iaitu di antara 0.661 – 0.861 (Hair, Black, Babin, & Anderson, 2010; Pallant, 2011) Dalam analisis ini, terdapat beberapa item yang bertindan dalam satu konstruk ke dalam satu konstruk yang lain (rujuk Jadual 1).

Jadual 1
Analisis komponen utama awal

Item	Muatan Faktor				Komunaliti	Korelasi Item-Total Diperbetul	Pekali Alfa Cronbach Jika Item Dibuang	Pekali Alfa Cronbach Konstruk
	1	2	3	4				
I1			0.815		0.738	0.754	0.980	0.943
I2			0.729		0.605	0.676	0.980	
I3			0.424		0.521	0.688	0.980	
I4			0.865		0.740	0.733	0.980	
I5			0.779		0.796	0.808	0.980	
I6			0.422		0.618	0.759	0.980	
I7			0.397		0.630	0.763	0.980	
I8			0.479		0.699	0.806	0.980	
I9			0.886		0.843	0.804	0.980	
I10		0.337	0.442		0.620	0.743	0.980	
I11		0.641			0.523	0.613	0.980	0.918
I12		0.701			0.560	0.610	0.980	
I13		0.830			0.802	0.779	0.980	
I14		0.771			0.701	0.726	0.980	
I15		0.797			0.724	0.721	0.980	
I16		0.723			0.776	0.800	0.980	
I17		0.770			0.763	0.775	0.980	
I18		0.308		-0.437	0.607	0.723	0.980	
I19				-0.698	0.793	0.781	0.980	
I20				-0.660	0.795	0.809	0.980	
I21				-0.712	0.861	0.835	0.980	
I22				-0.767	0.891	0.833	0.980	

I23			-0.468	0.608	0.735	0.980	
I24	0.520		-0.491	0.656	0.689	0.980	
I25			-0.736	0.909	0.861	0.980	
I26	0.713			0.803	0.807	0.980	0.957
I27	0.383			0.613	0.756	0.980	
I28	0.398	0.366		0.646	0.746	0.980	
I29	0.454		-0.348	0.733	0.806	0.980	
I30	0.633			0.761	0.803	0.980	
I31	0.784			0.808	0.782	0.980	
I32	0.669			0.787	0.809	0.980	
I33	0.439	0.418		0.766	0.837	0.980	
I34	0.708			0.774	0.787	0.980	
I35	0.445	0.394		0.715	0.795	0.980	
Alfa Cronbach						0.980	
Nilai Eigen	21.375	1.439	1.283	1.089			
Peratus Sumbangan Varian	61.071	4.111	3.666	3.110			
Jumlah Peratus Sumbangan Varian			71.958				

Petunjuk:

1. Hubungan 2. Sosial 3. Peribadi 4. Kolektif

Oleh kerana terdapat beberapa kriteria yang tidak dipenuhi iaitu nilai muatan faktor dan nilai komunaliti yang rendah, maka 15 item telah digugurkan (I3, I6, I7, I8, I10, I11, I12, I18, I23, I24, I27, I28, I29, I33, dan I35). (rujuk Jadual 1). Analisis komponen utama (PCA) dijalankan sekali lagi selepas 15 item tersebut disingkirkan. Secara keseluruhannya 20 daripada 35 item telah dikekalkan untuk analisis faktor penerokaan (EFA) semula. Analisis komponen utama (PCA) menggunakan putaran oblimum langsung dan bilangan faktor tetap yang ditentukan oleh penyelidik sebanyak empat faktor telah mengekstrakkan item kepada faktor; (1) peribadi (5 item), (2) sosial (5 item), (3) kolektif (5 item), dan (4) hubungan (5 item). Untuk perbandingan, analisis komponen utama (PCA) menggunakan putaran oblimum langsung dan bilangan faktor tetap yang ditentukan oleh nilai eigen yang dicadangkan (>1.00) juga telah menghasilkan empat faktor dalam konstruk identiti. Analisis menunjukkan bahawa kesemua item membentuk dimensi ini secara unidimensi berdasarkan nilai eigen yang dicadangkan (>1.00) iaitu di antara

1.011 – 13.024 (Hair, Black, Babin, & Anderson, 2010). Keempat-empat faktor tersebut menerangkan sebanyak 81.29% varian dalam keseluruhan set faktor identiti (rujuk Jadual 2). Nilai Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) adalah memenuhi kriteria yang disarankan (>0.50) iaitu 0.962 (Kaiser, 1970). Nilai ujian kesferaan Bartlett adalah signifikan secara statistik iaitu, $\chi^2 = 3154.557$, $df = 190$, $p = 0.000$.

Nilai muatan faktor telah mencapai nilai yang ditetapkan (> 0.50) iaitu di antara 0.740 – 0.901. Nilai komunaliti juga telah mencapai nilai yang ditetapkan (> 0.60) iaitu di antara 0.690 – 0.919. Di samping itu, nilai pekali alfa Cronbach (α) turut mencapai nilai yang ditetapkan (> 0.70) iaitu 0.971 dengan kesemua item mempunyai nilai pekali alfa Cronbach jika item dibuang tidak melebihi nilai pekali alfa Cronbach (α). Begitu juga dengan nilai korelasi item-total diperbetul bagi semua item telah mencapai nilai yang ditetapkan (> 0.50) iaitu di antara 0.669 – 0.857 (Hair, Black, Babin, & Anderson, 2010; Pallant, 2011) (rujuk Jadual 2).

Jadual 2
Analisis komponen utama ubahsuaian

Item	Muatan Faktor				Komunaliti	Korelasi Item-Total Diperbetul	Pekali Alfa Cronbach Jika Item Dibuang	Pekali Alfa Cronbach Konstruk
	1	2	3	4				
I1			0.751		0.738	0.747	0.970	0.923
I2			0.805		0.690	0.669	0.971	
I4			0.845		0.779	0.738	0.970	
I5			0.744		0.808	0.804	0.969	
I9			0.853		0.863	0.802	0.969	
I13		0.887			0.841	0.787	0.969	0.927
I14		0.846			0.748	0.733	0.970	
I15		0.901			0.765	0.717	0.970	
I16		0.750			0.804	0.809	0.969	
I17		0.798			0.768	0.768	0.970	
I19	0.804				0.801	0.776	0.969	0.961
I20	0.838				0.847	0.802	0.969	
I21	0.804				0.889	0.836	0.969	
I22	0.866				0.906	0.831	0.969	
I25	0.821				0.919	0.857	0.969	
I26				0.792	0.811	0.796	0.969	0.942
I30				0.740	0.806	0.803	0.969	
I31				0.883	0.827	0.773	0.969	
I32				0.770	0.833	0.818	0.969	
I34				0.838	0.814	0.776	0.969	
Alfa Cronbach							0.971	
Nilai Eigen	13.024	1.116	1.108	1.011				
Peratus Sumbangan Varian Jumlah								
Peratus Sumbangan Varian	65.118	5.578	5.542	5.054				
					81.291			

Petunjuk:

1. Kolektif 2. Sosial 3. Peribadi 4. Hubungan

Kesahan

Aspek kesahan konstruk (*construct validity*) semasa analisis faktor penerokaan (EFA) ditentukan melalui (1) kesahan konvergen (*convergent validity*), (2) kesahan diskriminan (*discriminant validity*), dan (3) kesahan nomologikal (*nomological validity*).

Kesahan konvergen dicapai berdasarkan beberapa petunjuk iaitu; (1) nilai muatan faktor melebihi 0.50, (2) komunaliti

melebihi 0.60, dan (3) pekali alfa Cronbach (α) melebihi 0.70, (4) nilai pekali alfa Cronbach jika item dibuang tidak melebihi nilai pekali alfa Cronbach (α), dan (5) korelasi item-total diperbetul melebihi 0.50 (Hair, Black, Babin, & Anderson, 2010; Pallant, 2011). Dapatan menunjukkan semua pemboleh ubah telah mencapai kriteria yang dicadangkan. Nilai muatan faktor telah mencapai nilai yang ditetapkan (> 0.50) iaitu di antara 0.740 – 0.901. Nilai komunaliti juga telah mencapai nilai yang ditetapkan (> 0.60) iaitu di antara 0.690 –

0.919. Di samping itu, nilai pekali alfa Cronbach (α) turut mencapai nilai yang ditetapkan (> 0.70) iaitu 0.971 dengan kesemua item mempunyai nilai pekali alfa Cronbach jika item dibuang tidak melebihi nilai pekali alfa Cronbach. Begitu juga dengan nilai korelasi item-total diperbetul bagi semua item telah mencapai nilai yang ditetapkan (> 0.50) iaitu di antara 0.669 – 0.857. Ini menunjukkan bahawa konstruk identiti telah mencapai kesahan konvergen (rujuk Jadual 2).

Kesahan diskriminan dicapai apabila tidak terdapat nilai korelasi yang tinggi iaitu melebihi 0.80 pada pasangan pemboleh ubah (Field, 2013). Dapatan menunjukkan

tidak terdapat nilai korelasi yang tinggi (> 0.80) pada pasangan pemboleh ubah. Faktor-faktor tersebut didapati berkorelasi antara satu sama lain iaitu dengan julat nilai 0.635 – 0.669. Ini menunjukkan konstruk identiti telah mencapai kesahan diskriminan (rujuk Jadual 3).

Kesahan nomologikal dijelaskan berdasarkan nilai korelasi yang signifikan antara konstruk mengikut arah yang dicadangkan secara teori (Hair, Black, Babin, & Anderson, 2010). Berdasarkan dapatan kajian dapat dilihat bahawa semua korelasi adalah signifikan. Ini menunjukkan bahawa konstruk identiti telah mencapai kesahan nomologikal (rujuk Jadual 3).

Jadual 3

Analisis komponen matriks korelasi

Faktor	Peribadi	Sosial	Kolektif	Hubungan
Peribadi	1.000			
Sosial	0.665*	1.000		
Kolektif	0.635*	0.651*	1.000	
Hubungan	0.660*	0.669*	0.659*	1.000

Nota: * $p < 0.05$.

Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan diuji dengan pekali alfa Cronbach (α) berdasarkan petunjuk pekali alfa Cronbach (α) melebihi 0.70 (Hair, Black, Babin, & Anderson, 2010). Dalam kajian ini nilai keseluruhan alfa Cronbach (α) yang mewakili seluruh konstruk identiti adalah ($\alpha = 0.971$). Manakala nilai pekali alfa Cronbach subskala bagi peribadi ($\alpha = 0.923$), sosial ($\alpha = 0.927$), kolektif ($\alpha = 0.961$), dan hubungan ($\alpha = 0.942$) (rujuk Jadual 2).

Perbincangan

Kajian ini telah meneroka dan mengesahkan faktor-faktor yang mempengaruhi identiti dalam kalangan kaunselor profesional di Malaysia. Analisis faktor penerokaan (EFA) telah meneroka bahawa terdapat lima faktor dalam konstruk identiti iaitu; (1) peribadi, (2) sosial, (3)

kolektif, dan (4) hubungan. Kajian ini menyokong Model Kendiri (Identiti). Walaupun pembinaan Model Kendiri (Identiti) ini dibina di barat, namun model ini sesuai digunakan di negara-negara lain kerana bersifat universal. Oleh itu, penggunaan Model Kendiri (Identiti) ini sesuai dengan masyarakat dalam konteks Malaysia.

Kajian ini telah mencapai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang baik dalam konteks budaya tempatan akan membolehkan tafsiran yang lebih tepat terhadap isu yang hendak dikaji (Edris, et al., 2020). Kesahan dan kebolehpercayaan sesebuah instrumen dalam kajian rintis pula merupakan aspek yang sangat penting dan perlu dipertimbangkan bagi meneruskan sesebuah kajian iaitu pada peringkat kajian sebenar (Malmqvist, Hellberg, Möllås., Rose, & Shevlin, 2019). Bagi mencapai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik,

kajian ini telah melakukan penyingkiran item berdasarkan nilai muatan faktor, nilai komunaliti, nilai korelasi item-total diperbetul yang rendah serta nilai pekali alfa Cronbach jika item dibuang lebih besar daripada nilai pekali alfa Cronbach. Jumlah keseluruhan item asal bagi instrumen identiti adalah sebanyak 35 item. Setelah melalui proses analisis faktor penerokaan (EFA), jumlah item yang tinggal adalah sebanyak 25 item dengan faktor ekstraversi (5 item), kebertujuan (5 item), keberhemahan (5 item), neurotisisme (5 item), dan keterbukaan (5 item). Penyingkiran item semasa proses tersebut dapat menghapuskan item yang dikodkan secara salah, item yang mempunyai bahasa yang mengelirukan dan item yang mengaburkan pilihan respons (Boateng, Neilands, Frongillo, Melgar-Quíñonez, & Young, 2018). Walau bagaimanapun, soal selidik yang telah disahkan ini hanyalah sesuai dalam konteks kajian penyelidik iaitu kaunselor profesional di Malaysia sahaja dan mungkin tidak sesuai dengan populasi yang lain. Tambahan lagi, soal selidik ini merupakan soal selidik yang sudah terpiawai dan telah digunakan dalam kajian-kajian lain.

Cadangan

Berdasarkan hasil kajian, disarankan agar kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa lain dinilai menggunakan analisis faktor penerokaan (EFA). Cadangan ini dibuat dengan mengambil kira perbezaan latar belakang budaya dalam konteks tertentu, di mana variasi budaya boleh mempengaruhi corak pemikiran, pengetahuan, nilai, dan norma dalam kalangan individu.

Kajian ini juga berpotensi menjadi pemangkin kepada pelbagai kajian lain pada masa hadapan bagi memperkayakan literatur dalam bidang psikologi. Sehubungan itu, penyelidik mencadangkan agar kesahan instrumen yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa lain dinilai menggunakan analisis faktor pengesahan

(*confirmatory factor analysis* – CFA). Hal ini kerana analisis faktor penerokaan (EFA) mempunyai keterbatasan, di mana ia tidak dapat mengesahkan sifat satu dimensi pemboleh ubah secara statistik. Oleh itu, analisis faktor pengesahan (CFA) digunakan bagi membuktikan secara statistik bahawa model satu dimensi diterapkan pada semua skala pengukuran yang dibangunkan (Rubio, Berg-Weger, & Tebb, 2001). Analisis faktor pengesahan (CFA) berfungsi untuk menentukan sama ada item yang dikelompokkan dalam sesuatu konstruk benar-benar konsisten dalam konstruk tersebut. Perbezaan utama antara analisis faktor pengesahan (CFA) dan analisis faktor penerokaan (EFA) ialah analisis faktor pengesahan (CFA) telah mempunyai andaian awal mengenai hubungan item dengan konstruk tertentu, manakala analisis faktor penerokaan (EFA) bertujuan untuk meneroka dan mengenal pasti struktur faktor tanpa andaian awal.

Kesimpulan

Kajian ini telah meneroka faktor identiti dan menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen identiti dalam konteks Malaysia. Hasil kajian ini telah memberi implikasi terhadap teoretikal. Kajian ini dapat meneroka faktor-faktor kepada identiti kaunselor profesional Malaysia di mana identiti kaunselor profesional Malaysia terdiri daripada empat dimensi iaitu; (1) peribadi, (2) sosial, (3) kolektif, dan (4) hubungan seperti yang dicadangkan dalam Model Kendiri (Identiti). Kajian ini turut menyumbang kepada perkembangan ilmu, khususnya dalam menilai kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen dalam konteks kaunselor profesional di Malaysia. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan manfaat yang signifikan, terutamanya dalam bidang penyelidikan psikologi dengan penekanan kepada aspek pengukuran alat kajian.

Pengakuan

Kajian ini merupakan sebahagian penyelidikan daripada tesis Ijazah Doktor Falsafah (penulis 1*) dari Universiti Malaya. Kebenaran menjalankan kajian telah diperoleh daripada Lembaga Kaunselor Malaysia.

Rujukan

- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Boateng, G. O., Neilands, T. B., Frongillo, E. A., Melgar-Quiñonez, H. R., & Young, S. L. (2018). Best practices for developing and validating scales for health, social, and behavioral research: a primer. *Frontiers in Public Health*, 6, 149.
- Brislin, R. W. (1980). Translation and content analysis of oral and written material. Dalam H. C. Triandis, & J. W. Berry, *Handbook of cross-cultural psychology* (Jld. 1, hlm. 389-444). Boston: Allyn & Bacon.
- Cheek, J. M. (1982/83). *The aspects of identity questionnaire: Revised scales assessing personal and social identity*. Unpublished manuscript, Wellesley College.
- Cheek, J. M., & Briggs, S. R. (1981). Self-consciousness, self-monitoring, and aspects of identity. *Paper presented at the meeting of the American Psychological Association*. Los Angeles, CA.
- Cheek, J. M., & Briggs, S. R. (1982). Self-consciousness and aspects of identity. *Journal of Research in Personality*, 16(4), 401-408.
- Cheek, J. M., & Hogan, R. (1981). The structure of identity: Personal and social aspects. *Paper presented at the annual meeting of the American Psychological Association*. Los Angeles, CA.
- Cheek, J. M., Smith, S. M., & Tropp, L. R. (2002). Relational identity orientation: A fourth scale for the AIQ. *Paper presented at the meeting of the Society for Personality and Social Psychology*. Savannah, GA.
- Cheek, J. M., Tropp, L. R., Chen, L. C., & Underwood, M. K. (1994). Identity Orientations: Personal, social, and collective aspects of identity. *Paper presented at the meeting of the American Psychological Association*. Los Angeles, CA.
- Cheek, J. M., Underwood, M. K., & Cutler, B. L. (1985). *The aspects of identity questionnaire (III)*. Unpublished manuscript, Wellesley College.
- Cheek, N. N., Cheek, J. M., Grimes, J. O., & Tropp, L. R. (2014). *Public displays of self: Distinctions among relational, social, and collective aspects of the interdependent self*. Austin, TX: Poster presented at the annual meeting of the Society for Personality and Social Psychology.
- Crocetti, E., Albarello, F., Meeus, W., & Rubini, M. (2022). Identities: A developmental social-psychological perspective. *European Review of Social Psychology*, 34(1), 161-201.
- Edris, A., Salleh, A., Mohd Izwan, M., Abu Yazid, A. B., Nor Mazlina, G., & Azzahrah, A. (2020). Initial validation of the career counselling self-efficacy scale in Malaysian public universities. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(6), 7147-7156.
- Field, A. P. (2013). *Discovering statistics using IBM SPSS statistics* (ed. 4). Thousand Oaks: Sage Publication Ltd.
- Foddy, M., & Kashima, Y. (2002). Self and identity: What is the conception of the person assumed in the current literature? Dalam M. Foddy, Y. Kashima, & M. Platow, *Self and identity personal, social and symbolic* (hlm. 3-26). New Jersey,

- London: Lawrence Erlbaum Associates.
- Friedenberg, J. (2020). The philosophy of self. Dalam J. Friedenberg, *The future of the self* (hlm. 21-47). Oakland, California: University of California Press.
- Goetz, S., & Taliaferro, C. (2011). *A brief history of the soul*. Hoboken, NJ: Wiley-Blackwell.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis* (ed. 7). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Hogan, R., & Cheek, J. M. (1983). Identity, authenticity, and maturity. Dalam T. R. Sarbin, & K. E. Scheibe (Ed.), *Studies in social identity* (hlm. 339-357). New York: Praeger.
- James, W. (1890). *The principles of psychology* (Jld. 1). New York: Henry Holt and Co.
- Jovanović, V., Lazić, M., Gavrilov-Jerković, V., Obradović, V., Šakan, D., Tomašević, A., & Zotović-Kostić, M. (2025). An examination of structural validity, gender invariance, and relationships with mental health and basic psychological needs among adolescents. *Journal of Personality Assessment*, 107(1), 28-40.
- Kaiser, H. F. (1970). A second generation little jiffy. *Psychometrika*, 35(4), 401-415.
- Leary, M. R., & Tangney, J. P. (2012). The self as an organizing construct in the behavioral and social sciences. Dalam M. R. Leary, & J. P. Tangney (Ed.), *Handbook of self and identity* (ed. 2nd, hlm. 1-18). London: The Guilford Press.
- Mahfud, M., & Patsun, P. (2019). Mengenal filsafat antara metode praktik dan pemikiran Socrates, Plato dan Aristoteles. *CENDEKIA Jurnal Studi Keislaman*, 5(1), 119-140.
- Malmqvist, J., Hellberg, K., Möllås., G., Rose, R., & Shevlin, M. (2019). Conducting the pilot study: A neglected part of the research process? Methodological findings supporting the importance of piloting in qualitative research studies. *International Journal of Qualitative Methods*, 18, 1-11.
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370-396.
- Nurul Hudani, M. N., Habibie, I., & Joki Perdani, S. (2023). Kebolehpercayaan dan kesahan instrumen sokongan sosial, sendiri dan pengurusan emosi bagi pembelajaran atas talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(6), 1-12.
- Owens, T. J. (2006). Self and identity. Dalam J. Delamater, *Handbooks of Sociology* (hlm. 205-232). Boston, MA: Springer.
- Pallant, J. (2011). *SPSS: Survival manual: A step by step guide to data analysis using the SPSS program*. Crows Nest: Allen & Unwin.
- Patrick, D. L., Guyatt, G. H., & Acquadro, C. (2019). Patient-reported outcomes. Dalam J. P. Higgins, J. Thomas, J. Chandler, M. Cumpston, T. Li, M. J. Page, & V. A. Welch (Ed.), *Cochrane handbook for systematic reviews of interventions* (hlm. 531-546). England: John Wiley & Sons.
- Robins, R. W., Norem, J. K., & Cheek, J. M. (1999). Naturalizing the self. Dalam L. A. Pervin, & O. P. John, *Handbook of personality: Theory and research* (hlm. 443-477). New York, NY: Guilford.
- Rogers, C. R. (1959). A theory of therapy, personality, and interpersonal relationships, as developed in the client-centered framework. Dalam S. Koch (Ed.), *Psychology: A study of a science* (Jld. 3, hlm. 184-256). New York: McGraw-Hill.

- Rubio, D. M., Berg-Weger, M., & Tebb, S. S. (2001). Using structural equation modeling to test for multidimensionality. *Structural Equation Modeling: A Multidisciplinary Journal*, 8(4), 613-626.
- Sabitha, M. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Edusystem.
- Sampson, E. E. (1978). Personality and the location of identity. *Journal of Personality*, 46(3), 552-568.
- Sapnas, K. G., & Zeller, R. A. (2002). Minimizing sample size when using exploratory factor analysis for measurement. *Journal of Nursing Measurement*, 10(2), 135-54.
- Swann, W. B., & Bosson, J. (2010). Self and identity. Dalam S. T. Fiske, D. T. Gilbert, & G. Lindzey, *Handbook of social psychology* (hlm. 589-628). Hoboken, NJ: Wiley.
- Yin, R., & Etilé, F. (2019). Measuring identity orientations for understanding preferences: A French validation of the aspects-of-identity questionnaire. *HAL-SHS*, 1-42.